

PENGARUH GEJALA LESBIAN, GAY, BIOSEKSUAL DAN TRANSGENDR (LGBT) TERHADAP REMAJA

Noor Hafizah Mohd Haridi
Kolej Universiti Islam Selangor
Email: noorhafizah@uis.edu.my

Zainora binti Daud
Universiti Sains Islam Malaysia
Email: zainora@usim.edu.my

Khairul Hamimah Mohammad Jodi
Universiti Terbuka Malaysia

ABSTRAK

Perlakuan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) merupakan salah satu gejala sosial yang semakin membimbangkan di Malaysia sejak kebelakangan ini. Manhaj dakwah membawa maksud sesuatu garis kaedah dan perancangan yang dibuat untuk diikuti dalam usaha-usaha dakwah supaya mencapai matlamat dari pendakwaan tersebut". Namun, sering dikatakan bahawa terdapat segelintir penggerak dakwah menggunakan manhaj dakwah secara tidak sesuai mengikut keadaan sasaran dakwah mereka. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan rekabentuk kajian kes. Terdapat empat informan terlibat dalam kajian ini. Temubual digunakan sebagai instrumen kajian. Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati bahawa terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi golongan remaja terjebak dengan gejala LGBT. Melalui kajian ini, diharap pihak-pihak yang terlibat lebih serius dalam menangani isu LGBT ini dari terus membarah. Dapatan kajian ini juga menyumbang kepada perkembangan disiplin ilmu dakwah dan kemasyarakatan serta membantu melahirkan generasi masyarakat yang mapan dan sejahtera.

Kata Kunci : Pengaruh, LGBT, Remaja

1. Pengenalan

Remaja adalah aset negara yang mampu mencorakkan masa depan negara. Dalam kebanyakan isu perihal negara, akan mengaitkan peranan remaja dalam pembangunan negara. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa golongan remaja hari ini telah menjadi sinonim dengan golongan sasaran pelbagai pihak yang berusaha menterjemahkan generasi muda ini menjadi generasi pewaris negara dan akan menyaksikan golongan ini menerajui negara sedikit masa lagi. Bagi golongan remaja, tekanan dan cabaran yang dihadapi mereka, tanggungan yang diletakkan di bahu mereka, menjadikan mereka sering kali menjamah kesilapan dalam meneruskan kehidupan. Tanpa dorongan dan bimbingan yang sempurna, remaja juga dijadikan sandaran golongan tertentu untuk meraih keuntungan, populariti dan agenda berkepentingan. Contohnya, apabila berlakunya krisis sosial, golongan remajalah yang menjadi mangsa telunjuk sebagai punca masalah itu berlaku.

Secara umumnya, terdapat pelbagai definisi tentang remaja mengikut perkembangan masyarakat dan mengikut beberapa sudut pandang. Dalam bahasa Inggeris, 'adolescence' membawa maksud remaja. *Adolescence* bermaksud membesar menjadi matang (Rogers, 1951). Remaja dikatakan berusia di antara 11 hingga 21 tahun, merupakan transisi antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa yang melibatkan perubahan biologi, psikologi, sosial dan ekonomi serta melibatkan perubahan peringkat tidak matang ke peringkat matang (Yahaya, 2012). Zaman remaja dikatakan bermula dari akil baligh dan berakhir apabila memasuki alam dewasa. Ia merupakan satu tempoh peralihan dalam pusingan hidup yang melibatkan banyak perubahan yang berlaku, sama ada dari segi perkembangan fizikal,

emosi dan kognitif di mana ia mula minat hubungan dengan rakan sebaya dan mulai belajar peranan kerja, peranan dalam keluarga dan sebagai warga masyarakat. Menurut Ismail dan Syed Hassan (2011) pula, remaja adalah mereka yang beralih dari zaman kanak-kanak (seusia 0 hingga 9) ke remaja (umur 10 hingga 18 tahun). Perkembangan remaja bermula pada usia 10 hingga 12 tahun dan berakhir pada usia 18 hingga 22 tahun untuk anak-anak yang beralih ke peringkat remaja ini (Santrock 2008). Tidak dapat dipertikaikan bahawa ini adalah salah satu usia yang paling sukar bagi seseorang untuk menghadapi perubahan fizikal dan mental yang berbeza. Semasa remaja, seseorang menghadapi pelbagai krisis pembentukan dan pembangunan identiti diri. Kegagalan dalam fasa pembentukan identiti akan menyebabkan remaja menghadapi krisis kekeliruan.

Isu Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) dilihat kini semakin membimbangkan dan ianya perlu diberi perhatian oleh semua pihak termasuk badan bukan kerajaan (NGO) serta masyarakat awam. Berdasarkan laporan berita oleh KOSMO pada Ogos 2023 telah memetik kata-kata dari Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Mohd. Na'im Mokhtar yang menyatakan bahawa mana-mana usaha untuk mempromosi serta menormalisasikan gaya hidup songsang yang bercanggah dengan ajaran Islam dan fitrah insan seperti lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) adalah tidak boleh diterima sama sekali di Malaysia.

Kementerian Kesihatan baru-baru ini mengeluarkan laporan "Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS): Tinjauan Kesihatan Remaja 2022." Tinjauan yang dilakukan pada 12 Jun – 8 Julai 2022 ini bertujuan menilai tingkah laku yang membahayakan kesihatan dan faktor-faktor yang menghalangnya dalam kalangan pelajar di Malaysia, sebagai proksi status kesihatan remaja di negara ini. Berdasarkan kepada laporan Tinjauan Kesihatan Remaja 2022 ini, berikut adalah statistik mengenai remaja dan aktiviti seksual: (Institut Kesihatan Umum 2022. Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2022 :Tinjauan Kesihatan Remaja – Penemuan Utama)

- 154,646 remaja dilaporkan pernah melakukan hubungan seks;
- 11% daripada mereka mempunyai lebih daripada seorang pasangan;
- 33% daripada mereka mula melakukan hubungan seks sebelum berumur 14 tahun;
- 75% daripada mereka melaporkan bahawa mereka ada melakukan hubungan seks baru-baru ini;
- 88% daripada mereka tidak menggunakan kondom; dan,
- 88% daripada mereka tidak menggunakan apa-apa kaedah perancang keluarga.

Aktiviti seksual seumpama ini tentu sahaja memberi kesan negatif kepada remaja tersebut. Sebagai contoh, memiliki lebih daripada seorang pasangan mungkin akan mendedahkan mereka kepada penyakit kelamin. Tidak menggunakan kondom atau apa-apa kaedah perancang keluarga akan mendedahkan remaja perempuan kepada kehamilan yang tidak dirancang. Itu tidak termasuk kesan negatif dari segi dosa yang tercatat bagi mereka yang terlibat sekiranya mereka adalah remaja Muslim. Keterlibatan remaja Islam di Malaysia dalam aktiviti yang meruntuhkan akhlak seperti pergaulan bebas dan perlakuan zina adalah satu perkara yang sangat membimbangkan. Kenyataan ini bukannya suatu persepsi kosong bertujuan untuk merendahkan martabat orang Islam atau menakutkan mana-mana pihak semata-mata. Bahkan, kenyataan ini disokong oleh hasil kajian-kajian lepas yang menunjukkan, terdapat banyak peningkatan kelahiran anak tak sah taraf atau anak zina direkodkan hasil daripada perzinaan dan seks bebas yang kebanyakannya dari kalangan remaja Muslim di Malaysia (Wan Ismail et al.,2021).

Menurut Teori Perkembangan Psikoseksual Freud, mengatakan bahawa personaliti terbentuk sepanjang manusia melalui satu siri perkembangan daripada bayi sehingga dewasa. Segala peristiwa yang berlaku semasa proses peningkatan itu adalah peralihan dari segi pengeluaran tenaga id atau libido khususnya tenaga seksual dari satu bahagian badan ke bahagian badan yang lain. Perkembangan inilah yang membawa kepada kewujudan peringkat-peringkat perkembangan psikoseksual iaitu oral, anal, falik, latensi dan genital. Perkembangan identiti remaja berkembang pesat dalam lingkungan usia 12 hingga 20 tahun. Pada usia ini remaja sering mengalami konflik dengan diri sendiri seperti kecelaruan identiti dan mudah terpengaruh dengan aktiviti yang boleh memberi kesan negatif pada diri sendiri. Pada tempoh ini juga remaja dikatakan bereksperimentasi dengan identiti dan perkembangan seksual mereka. Justeru, tanpa panduan yang jelas amat mudah untuk remaja terjerumus kepada pelbagai tingkah laku seks yang tidak sihat seperti gejala seks bebas, seks sebelum berkahwin, seks songsang dan sebagainya. Sekiranya tidak dipantau oleh orang dewasa kebarangkalian tingkah laku seks yang tidak sihat ini menjadi suatu amalan dan terus diamalkan walaupun mereka telah melangkah ke alam pengajian tinggi mahupun pekerjaan. Kebanyakan isu berkaitan seks sudah mula dekat dengan remaja bermula dari zaman kanak-kanak seterusnya zaman remaja.

Kajian dari pengkaji terdahulu mendapati remaja yang terlibat dengan LGB (Lesbian, Gay & Bisexual) mempunyai risiko yang tinggi untuk terlibat dengan tingkahlaku berisiko dan mempunyai masalah kesihatan mental berbanding dengan remaja normal (Bell & Weinberg 1978; Hetrick & Martin 1987, 1988; Hammelman 1993; Hersberger & D'Augelli 1995; Rotheram-Borum, Hunter & Rosario 1994) serta berisiko untuk terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan alkohol (Remafedi 1991, 1994; Rosario, Hunter & Gwadz 1997; Rosario, Rotheram-Borus & Reid 1996; Rotheram-Borus et al. 1995). Selain itu, mereka juga dilaporkan mempunyai masalah berkaitan dengan sikap (Anderssen 2002). Kesemua masalah ini menyebabkan mereka makin dipinggirkan oleh individu terdekat dengan mereka serta masyarakat sekeling sehingga menghalang kefungsi psikologikal mereka. Akibatnya, muncul bukti yang menyatakan ketidakseimbangan terhadap kehidupan lesbian seperti kemurungan, putus harapan dan bunuh diri (Davidson, Potter & Ross 1999; Faulkner & Cranston 1998; Garofolo et al. 1998; Garafolo et al. 1999; Remafedi et al. 1998; Safren et al. 1998).

Justeru, artikel ini membincangkan berkaitan pengaruh gejala lesbian, gay, bioseksual dan transgender (LGBT) terhadap golongan remaja. Kajian ini penting bagi menyumbang kepada usaha-usaha pencegahan gejala LGBT oleh pihak kerajaan mahupun bukan kerajaan. Elemen pencegahan gejala ini perlu dikenalpasti bagi memastikan gejala ini tidak terus menular dan membarah dalam kalangan masyarakat.

2. Metodologi Kajian

Penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif. Menurut Stake (1995), reka bentuk pendekatan kualitatif dipilih kerana ia dapat menerangkan sesuatu peristiwa secara holistik. Ini membawa maksud kajian yang dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif mampu mendedahkan sesuatu kajian dengan menyeluruh supaya semua maklumat diperolehi secara menyeluruh. Sementara itu, menurut Marshall et al. (1998) pula menyatakan, kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif adalah bertujuan untuk mengenalpasti dan cuba menjelaskan masalah sosial yang kompleks. Hakikatnya terdapat beberapa persoalan kajian yang tidak mudah dijawab apabila kita menggunakan reka bentuk kuantitatif dan perlunya kita menggunakan penjelasan kualitatif dalam merungkai fenomena manusia (Noraini, 2010). Kualitatif juga menekankan "penentuan natural", memahami, penerangan secara verbal dan naratif serta reka bentuk yang digunakan adalah fleksibel (McMillan, 2012). Dalam

konteks yang lebih jelas, penggunaan pendekatan kualitatif mampu menghuraikan kenyataan atau maklumat dengan lebih terperinci dan memberi gambaran yang jelas tentang pengaruh gejala LGBT terhadap remaja. Salah laku seks ini merupakan satu fenomena manusia dan perlunya penjelasan kualitatif. Hanya penjelasan kualitatif sahaja yang dapat merungkai fenomena manusia dengan lebih jelas dan terperinci (Noraini,2010). Dalam kajian ini, penyelidik memilih metodologi kajian kes (Othman, 2007). Seramai lima orang informan yang terlibat dalam kajian ini melibatkan seorang kaunselor dan empat orang mewakili komuniti LGBT.

3. Fenomena LGBT Dalam Kalangan Remaja

Menurut Marbawi (2006) dan Brill (1983), LGBT adalah singkatan bagi lesbian, gay, biseksual dan transeksual. Seseorang pihak telah menambah akronim ini kepada LGBTQIA, di mana Q merujuk kepada perkataan Queer iaitu tidak pasti tertarik kepada jantina yang mana. Manakala I merujuk kepada perkataan Intersex iaitu individu yang tertarik kepada kedua-dua jantina dan ianya boleh ditakrifkan sama seperti Biseksual, seterusnya akronim A merujuk kepada Aseksual iaitu mereka yang tiada minat seksual terhadap mana-mana jantina (Melati Sumari, 2022). Berdasarkan definisi di atas dapat dirumuskan LGBT merujuk kepada perkumpulan manusia yang mempunyai orientasi seks songsang yang melangkaui batas fitrah kemanusiaan dan merupakan gaya hidup yang menyalahi tuntutan agama dan tatasusila budaya timur apatah lagi dengan perlakuan yang menyalahi tabi'e manusia. Komuniti ini pada dasarnya ditubuhkan untuk memperjuangkan hak-hak mereka yang dikatakan tertindas dan tidak bebas dengan berselindung di sebalik topeng akta hak-hak asasi manusia. Remaja merupakan satu kelompok masyarakat yang dikategorikan sebagai golongan belia yang belum matang. Kebiasaannya ahli psikologi mengkategorikan golongan berasaskan kepada usia mereka, iaitu antara umur 11-20 tahun. Dalam Islam, tahap usia remaja dihubungkan dengan baligh atau murahiqah (Azyyati & Fariza 2016). Murahiqah dari sudut bahasa bermaksud penderitaan, berasingan dan terburu-buru, tergopoh-gapah dan mudah melakukan perkara buruk (Muhammad Hamid & Khaulah Darwish 1997). Merujuk kepada istilah ini, ternyata golongan remaja yang belum ke tahap usia matang memang bersifat tergopoh-gapah dan terburu-buru. Sifat tersebut menjadikan remaja mudah terlibat dalam perkara yang tidak baik kerana mereka tidak dapat berfikir secara matang tentang buruk baik sesuatu perkara. Itulah sebabnya, remaja mudah terlibat dengan masalah sosial. Hampir setiap hari terdapat berita dalam media massa seperti di kaca televisyen dan surat khabar mengenai pelbagai salah laku yang melibatkan golongan muda (Haris 2004). Begitu juga dengan kajian-kajian lepas tentang penglibatan remaja dalam kegiatan salah laku (Fariza 2005, 2015; Masuriyati & Che Zarrina Sa 'ari 2016)

Golongan remaja di Malaysia dikesan begitu berisiko untuk terjebak dengan gejala seks bebas dan dijangkiti penyakit kelamin akibat ketagihan pornografi. Dalam satu kajian akademik yang dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 2021 mendapati sebanyak 75 peratus daripada remaja di negara ini dikesan pernah menonton video atau melihat gambar pornografi. Pensyarah di Jabatan Perubatan Keluarga Fakulti Perubatan UKM Prof Madya Dr Noor Azimah Muhammad berkata, kebanyakan yang terbabit adalah remaja lelaki dan terjebak seawal di peringkat sekolah menengah. Lebih membimbangkan, beliau berkata, remaja ini dikesan melakukan aktiviti tidak bermoral itu apabila diberi peluang menggunakan Internet di rumah secara bersendirian. (Metro, Julai 12, 2023)

Jumlah remaja berusia 19 tahun ke bawah yang terlibat dalam jenayah seksual pada 2023 meningkat sebanyak 30 peratus berbanding 2022, dengan lebih 470 belia ditahan. Menteri Negara (Ehwal Dalam Negeri), Cik Sun Xueling, mendedahkan demikian pada Seminar Kesedaran Jenayah Seksual di Kompleks Polis Cantonment pada 15 April sambil menjelaskan dua sebab yang membawa pada

kenaikan tersebut iaitu pendedahan awal remaja kepada bahan lucah atau kegiatan seksual golongan dewasa. Manakala faktor kedua pula melibatkan maklumat yang kurang tepat atau sesuai tentang perilaku dan hubungan seksual.

Menurut pernyataan pihak polis, antara jenayah seksual yang paling banyak berlaku adalah aksi seksual melibat mangsa bawah umur, dan ramai dalam kalangan mangsa mengenali pelakunya. Pakar psikologi utama dan penolong pengarah di Divisyen Psikologi Pasukan Home Team di Kementerian Ehsan Dalam Negeri (MHA), Cik Shamala Gopalakrishnan, menekankan tentang penggunaan Internet dan telefon bimbit yang meningkat, serta belia yang dibesarkan sebagai warga natif digital. (Berita Harian, 15 April 2024).

Isu seksual sering dianggap sebagai persoalan yang hangat dan menjadi polemik dalam masyarakat. Realitinya, masyarakat sedang berhadapan dengan bahaya dan ancaman baharu disebabkan perkembangan gejala seksual yang tidak sihat, sehingga menggugat integriti sosial dan masyarakat. Peranan keluarga dan ibu bapa pada dekad ini juga lebih mencabar khususnya dari segi menangani masalah dan gejala seksual yang membabitkan ahli keluarga, termasuklah anak kecil dan remaja. Gejala dan isu seksual yang kritikal mencabar serta memberi kesan yang buruk kepada masa depan masyarakat dan negara (Rezki et al., 2019). Isu ini telah menjadi perhatian, perbincangan, isu dan telah dikupas dalam Seminar Seksual Kebangsaan pada tahun 2005 yang telah diadakan di Universiti Malaya (UM). Salah satu isu seksual yang diberi perhatian serius dalam seminar tersebut adalah isu homoseksualiti.

Orientasi seksual adalah asas kepada seksualiti manusia yang merujuk kepada tarikan seksual sama ada terhadap lelaki atau wanita yang ditunjukkan melalui kepelbagaian seks (Rahman & Wilson, 2003). Terdapat banyak istilah yang digunakan bagi menerangkan maksud orientasi seksual, namun begitu penerangan awal telah dilakukan lebih dari 130 tahun yang lalu (Ulrichs, 1994; Sell, 1997). Definisi umum orientasi seksual bertumpu kepada konsep 'orientasi' iaitu kecenderungan erotik terhadap sesuatu jantina atau lebih, dan kebiasaannya digambarkan sebagai tarikan seksual atau tarikan erotik (SavinWilliams & Ream, 2007; Sell, 1997). Dalam membincangkan dan mengupas tajuk orientasi seksual remaja, elemen penting yang menjadi persoalan adalah pemilihan atau kecenderungan seksual remaja, sama ada yang berorientasikan sesama jenis (homoseksual), berlainan jenis (heteroseksual), dan keduanya (biseksual). Namun demikian, dalam melayari zaman remaja yang juga dikenali sebagai zaman transisi sementara ini, para remaja boleh mengalami "kebingungan" atau ketidakpastian terhadap orientasi seksual mereka. Misalnya, seorang remaja lelaki yang mempunyai kecenderungan seksual berlainan jenis (heteroseksual), masih melakukan hubungan sesama jenis (homoseksual), disebabkan oleh pengaruh persekitaran, rakan sebaya dan juga pengamalan gaya hidup yang bebas (Coleman, 1995).

Menurut teori psikososial yang dikemukakan oleh ahli psikologi iaitu Erikson (1963), bahawa dalam memahami perspektif psikososial remaja, maka hubungan antara pembesaran remaja dan juga keadaan sosial adalah berkait rapat di dalam membentuk perkembangan atau penolakan dalam diri seseorang remaja. Ia membentuk tingkah laku serta memberikan impak besar di dalam mempengaruhi gaya hidup remaja itu sendiri (Gullotta et al., 2000). Erikson (1963) juga menyatakan bahawa persoalan mengenai pembinaan identiti, keyakinan diri serta kemahiran sosial adalah elemen utama kepada seseorang manusia yang perlu dipenuhi dari sudut psikologinya. Permasalahan untuk mencapai tahap kesempurnaan ini ada kalanya dilihat sukar dicapai oleh masyarakat gay, terutamanya pada tahap remaja. Schneider (1989) pula berpandangan bahawa remaja gay ini mempunyai dua permasalahan utama iaitu di dalam memperkenalkan diri sebagai homoseksual dan juga masalah dalam perkembangan diri dalam proses tumbesaran manusia. Teori kawalan sosial (social-control

theory) menyebutkan bahawa secara kebiasaannya, pengaruh utama yang membentuk perlakuan adalah berkait rapat dengan pengaruh ibu bapa, kebudayaan dan juga media (Gullotta et al., 2000) Terdapat banyak faktor yang menyebabkan seseorang itu menjadi LGBT. Pertama; Faktor keluarga, apabila kanak-kanak mengalami atau melihat tingkah laku kasar dan tidak sesuai seperti yang sering berlaku dalam keluarga broken home. Inilah yang membuatkan kanak-kanak lari daripada komuniti LGBT. Kebiasaannya perkara ini dialami oleh kanak-kanak perempuan yang menerima layanan kasar daripada bapa atau abang-abang mereka sehingga mengakibatkan anak itu membenci lelaki. Faktor persekitaran dan sosial merupakan faktor remaja terjerumus ke dalam komuniti LGBT. Persekitaran yang dimaksudkan ialah persekitaran di mana penderaan kanak-kanak sering berlaku atau di mana kanak-kanak menjadi mangsa penderaan. Ini menjadikan kanak-kanak trauma dan membenci lawan jenis. Dan interaksi yang dimaksudkan adalah persatuan yang tidak terarah seperti menyertai komuniti LGBT atau berkawan dengan rakan-rakan yang menyukai jantina yang sama. Kewujudan golongan LGBT sering mencetuskan banyak perdebatan. Tidak sedikit orang menganggap mereka sama dengan heteroseksual. Walau bagaimanapun, ramai yang mengesyaki bahawa mereka ini melanggar sifat semula jadi mereka. Homoseksual ialah hubungan yang dilarang sama sekali oleh agama khususnya Islam.

PENGARUH GEJALA LGBT (LESBIAN, GAY, BISEKSUAL DAN TRANSGENDER) TERHADAP REMAJA

Jadual I : Data Demografi Informan

Informan	Jantina	Pengalaman	Pekerjaan
P1	Perempuan	30 Tahun sebagai kaunselor	Kaunselor dan Pensyarah
K1	Lelaki	Lebih 10 tahun sebagai transgender	Akauntan
K2	Perempuan	Lebih 10 tahun sebagai lesbian	Penulis
K3	Lelaki	Lebih 10 tahun sebagai gay	Sukarelawan Rumah Pertubuhan
K4	Lelaki	Lebih 10 tahun sebagai bioseksual	Guru Agama

Jadual 2 : Matrik analisis temubual mengikut tema

Pengaruh/Informan	P1	K1	K2	K3	K4
Kurang didikan agama	x	x	x	x	x
Pengaruh rakan	x	x	x	x	x
Pengaruh Persekitaran pengalaman/trauma	x	x	x	x	x
Pengaruh Keluarga			x	x	x
Pengaruh Media Sosial				x	x

Kurang Pendidikan Agama

Kekuatan dan kelemahan sesuatu bangsa dan negara amat bergantung kepada golongan muda yang merupakan tonggak dan pewaris kesinambungan pembangunan dan kesejahteraan negara. Golongan muda yang cemerlang dalam pelbagai aspek seperti akademik, kemahiran, sahsiah dan jati diri amat diperlukan untuk menyumbang secara positif kepada kecemerlangan dan pengukuhkan ekonomi serta

masa depan negara (Fauziah, 2009). Dalam era globalisasi yang mana manusia harus berhadapan dengan dunia tanpa sempadan, pelbagai cabaran khasnya yang berkaitan dengan masalah sosial dan keruntuhan akhlak dalam kalangan generasi muda remaja amat membimbangkan. Sebagai salah satu usaha murni untuk membantu mengatasi masalah tersebut, beberapa faktor pelindung bagi menangani masalah berkaitan dengan remaja adalah diperlukan (Smith, 2004). Justeru itu, menyedari bahawa aspek keagamaan merupakan elemen penting untuk mengekang masalah sosial yang lebih rumit, maka penerapan dan pengukuhan agama dalam kalangan anak-anak perlu diberikan perhatian utama. Pengetahuan agama yang kukuh mampu menjadi pelindung kepada generasi muda remaja yang berada di peringkat pembesaran dan sedang mencari identiti diri (Corcoran & Nichols-Casebot, 2004; Wallace, dll., 2007). Remaja yang mempunyai pegangan dan pengetahuan agama yang tinggi dilihat mampu mengatur kehidupannya dengan lebih tenang, sempurna dan sejahtera (McCullough & Willioughby, 2006).

Berdasarkan analisis temubual bersama informan kurangnya pendidikan agama menjadi faktor mereka terjebak dengan gejala LGBT ini. Hasil kajian mendapati setiap informan bersetuju menyatakan didikan agama sangat mempengaruhi faktor keterlibatan mereka. Malah informan mewakili LGBT menyatakan bahawa mereka tidak pernah menunaikan solat fardhu dan terdapat juga di kalangan mereka menunaikan solat secara tidak sempurna. Terdapat juga informan mengakui bahawa mereka tidak mendapat bimbingan agama daripada keluarga. Malah keluarga juga tidak mengamalkan cara hidup beragama.

Pengaruh Rakan

Dalam kajian ini, pengkaji mendapati rakan sebaya turut mempengaruhi informan terlibat dengan gejala LGBT. Rakan sebaya merupakan kumpulan yang paling rapat dan paling berpengaruh dalam kehidupan seseorang remaja. Pengaruh dan tekanan negatif yang diterima melalui rakan sebaya menyebabkan remaja berkecenderungan tinggi untuk terlibat ke kancah masalah sosial seperti tingkah laku seksual serta hamil luar nikah. Kenyataan seperti di atas mempunyai persamaan dengan dapatan kajian Kreager et al. (2016) yang dijalankan ke atas 914 remaja lelaki dan perempuan dalam lingkungan umur 11 hingga 16 tahun, membuktikan bahawa remaja yang terlibat dengan tingkah laku seksual adalah akibat daripada pengaruh serta tekanan yang dihadapi melalui rakan sebaya. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui temubual yang telah dilakukan oleh pengkaji terhadap informan tersebut :

- P1 Bermula dari tempat belajar seperti di universiti atau kolej*
- P1 Membentuk satu kumpulan dengan perasaan dan minat yang sama*
- K1 Rakan sekerja*
- K2 Rakan sekampung dari kalangan lelaki*
- K2 Rakan ajar perkara baru di universiti*
- K3 Seronok dengan cara hidup rakan*
- K4 Ajakan dari rakan/kenalan*

Oleh yang demikian, pengaruh rakan sejenis adalah faktor keterlibatan informan dengan gejala LGBT. Pengkaji mendapati hasil kajian ini selari dengan kajian Byrd (2001) yang mengatakan LGBT tidak terjadi dengan semula jadi, sebaliknya dipengaruhi oleh faktor lain seperti pengaruh rakan. Hal ini kerana, rakan yang akan menjadi pendorong rakan terhadap perkara yang dilakukan. Menurut Azizi dan Muhamad (2018) rakan sebaya terdiri daripada pelajar-pelajar atau individu yang mempunyai umur yang hampir sama di antara mereka. Menurutny lagi, remaja cenderung menuruti tingkah laku kumpulan yang mana ia berada di dalamnya. Remaja ini juga akan melakukan atau membuat apa yang dilakukan atau dibuat oleh kumpulannya

Pengalaman dan Trauma

Seseorang yang mempunyai pengalaman masa lampau yang pahit dan 'hitam' akan memberi kesan negatif kepada dirinya. Mereka mungkin menyimpan satu perasaan dendam terhadap apa yang berlaku dan juga mungkin akan bertingkah laku seperti mana yang dialami untuk mengadaptasi peristiwa tersebut di masa hadapan. Pengalaman masa lampau seperti pernah diliwat pada usia muda atau zaman kanak-kanak menjadi titik permulaan dan turut mendorong informan terlibat dalam gejala gay. Berikut merupakan dapatan yang diperolehi melalui temubual bersama informan

- K1 *Sejarah hitam di asrama sekolah*
- K2 *Trauma masa lalu (les)*
- K2 *Menjadi mangsa seksual*
- K3 *Menjadi mangsa seksual di asrama sekolah dan kejiranan*
- K3 *Lama kelamaan menjadi suka*
- K4 *Pengalaman buruk (Bio)*
- K4 *Bermula di peringkat sekolah sesama rakan-rakan*
- K4 *Terbawa-bawa hingga ke peringkat universiti dan telah berkahwin*

Dapatan ini selari dengan Neh Mah Batri et al. (2016), yang mendapati pengalaman mengalami penderaan dan gangguan seksual semasa kanak-kanak terutama sekiranya ia adalah pengalaman seksual pertama merupakan penyebab yang kuat terhadap tingkah laku homoseksual apabila individu tersebut menjadi dewasa. Faktor pengalaman trauma di dalam kehidupan seseorang remaja itu juga memainkan peranan kepada perlakuan seks songsang. Ini kerana jika sesuatu pengalaman dan trauma yang dihadapi oleh seseorang remaja ia akan mempengaruhi tindakan dan keinginan seseorang itu. Pengalaman buruk melibatkan proses pertumbuhan dan perkembangan kognitif yang bercelaru sehingga individu tersebut lebih cenderung kepada kaum sejenisnya. Oleh itu, jelas kesan pengalaman mengalami gangguan seksual turut mempengaruhi informan dalam tingkah laku LGBT.

Pengaruh Keluarga

Keluarga adalah agen sosialisasi utama dalam mendidik dan mengajar agar seseorang anak itu menjadi anggota masyarakat yang baik dan mulia bermula dari hari kelahirannya seorang bayi itu setelah mula mendengar suara azan dan iqamat sebagai didikan roh Islam dalam jiwa anak yang masih mentah sehinggalah kanak-kanak itu meniti alam kedewasaan yang dipenuhi dengan didikan dan ajaran Islam yang meliputi aspek syahadah, rukun Islam, rukun iman, aspek hukum-hakam, aspek ibadah, muamalat dan aspek bersosial berteraskan jalur dan prinsip ajaran Islam.

Berdasarkan analisis soal selidik mendapati informan menyatakan faktor keluarga Pembinaan kepercayaan seorang anak dalam menerima kasih sayang ibu bapa di sepanjang pengasuhan memerlukan hubungan interaksi yang berterusan. Sepanjang perjalanan anak menuju ke alam dewasa biasanya boleh menimbulkan masalah yang tersendiri bagi setiap anak. Hubungan anak-ibu bapa yang tidak harmoni, pemaksaan kehendak dan kedudukan ibu bapa sebagai pemilik anak, ini boleh menjerumuskan anak sebagai mangsa perlakuan ibu bapa (Juniawati, 2015). Keadaan ini dikhuatiri boleh menimbulkan kesan kepada anak dalam berbagai bentuk yang seterusnya menjadi topik dan isu di dalam masyarakat. Keganasan pada kanak-kanak boleh mencacatkan perkembangan seorang kanak-kanak di dalam keluarga dan juga di persekitarannya seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan kes keganasan dan jenayah sosial dalam kalangan kanak-kanak (Juniawati, 2015). Berikut merupakan dapatan yang diperolehi melalui temubual bersama informan;

- K2 *Adik beradik semua lelaki*
- K2 *Sifat lelaki terbina secara alami*

- K2 *Tiada bimbingan yang betul dari keluarga*
- K2 *Tekanan hidup*
- K2 *Kongkongan dari ibu bapa*
- K2 *Memberontak ibu bapa*
- K3 *Lemah institusi keluarga*
- K3 *Ibu bapa tidak kisah asalkan bawa wang untuk keluarga*
- K4 *Kurang didikan agama di rumah*
- K4 *Ibu bapa tidak awasi pergerakan anak-anak*

Pengaruh Persekitaran

Antara faktor yang menyebabkan mereka ini terlibat dengan gejala LGBT adalah disebabkan hubungan persekitaran sosial di mana mereka sangat selesa bergaul dengan perempuan tidak kira dalam hubungan keluarga, rakan-rakan mahupun menggunakan aksesori yang sinonim dengan perempuan. Hal ini menyebabkan pemikiran mereka turut menganggap diri sebagai seorang perempuan dan ada juga diantara mereka yang menyatakan sejak dari kecil gemar bermain permainan perempuan seperti solekan dan anak patung. Oleh sebab itu, apabila meningkat dewasa mereka telah terbiasa dengan perlakuan tersebut dan ianya telah membawa mereka ke arah perlakuan LGBT. Berikut merupakan dapatan yang diperolehi melalui temubual bersama informan;

- P1 *Rakan-rakan di tempat kerja atau tempat belajar*
- P1 *Bebas dari segala pantauan ibubapa ketika di alam pekerjaan*
- K1 *Pengaruh persekitaran (TG)*
- K1 *Tiada pantauan dari ibu bapa di alam pekerjaan*
- K1 *Rakan-rakan tertarik dengan sifat kewanitaan*
- K3 *Pengaruh persekitaran (GY)*
- K3 *Tanpa pengawasan ibu bapa di alam pekerjaan*
- K3 *Lebih terdedah kepada masalah social*
- K4 *Pengaruh persekitaran (BIO)*
- K4 *Rakan-rakan sekampung berkumpul mengambil kesempatan*

Pengaruh Media Sosial

Perkataan media sosial merupakan gabungan perkataan media dan sosial. Media ialah perkataan daripada bahasa Inggeris yang berasal dari perkataan “medium” ataupun dalam bahasa Melayu ialah perantara. Manakala sosial pula membawa maksud bermasyarakat dalam kelompok manusia. Jadi, gabungan perkataan media sosial itu dari segi bahasa membawa maksud alat perantaraan untuk manusia bermasyarakat. Dari segi istilah pula, media sosial membawa maksud suatu bentuk kemudahan elektronik yang membenarkan penggunaanya berkomunikasi dan berkongsi maklumat dengan orang lain. Antara media sosial yang wujud sekarang ialah ‘Whatsapp’, ‘Facebook’, ‘Twitter’, ‘Instagram’ dan juga ‘Telegram’. Media sosial menarik seseorang itu untuk memberi komen, berkongsi maklumat dan memaklum balas dengan pantas secara global (Abdul Halim, 2019) Berdasarkan analisis temubual bersama informan media sosial turut mempengaruhi keterlibatan mereka dengan gejala LGBT

- K3 *Kemudahan akses media sosial/aplikasi mudah alih*
- K3 *Dapat kenalan baru hanya melalui aplikasi*
- K4 *Kemudahan aplikasi mudah alih*
- K4 *Dapat kenalan baru hanya melalui aplikasi*

Kini, kewujudan budaya homoseksual terutamanya di dunia dan di Malaysia banyak dikaitkan dengan keadaan sosial dan peranan media massa (Amran & Salleh, 2015). Kedua-dua elemen ini memberi kesan yang hebat kepada pembudayaan kehidupan berdasarkan penilaian individu terhadap dirinya. Kajian oleh Suriati, Jabil, dan Azilah (2009) yang mengkaji bagaimana peranan infrastruktur komuniti di dalam dan sekitar institusi pengajian tinggi di Malaysia membina pengukuhan identiti golongan transgender mendapati kebanyakan responden menggunakan infrastruktur tersebut bagi mengukuhkan gaya hidup mereka. Kafe siber, pusat membeli belah, farmasi dan premis menjual buku adalah antara lokasi tumpuan golongan ini. Keadaan ini menjelaskan hubungan positif mengenai infrastruktur komuniti dengan golongan mereka dan menganggap ini sebagai satu sistem sokongan kepada mereka. Selain itu, Suriati et. al.. (2009) turut mencadangkan bahawa sifat terbuka terhadap fenomena ini mengakibatkan fenomena ini terus meluas dengan pertambahan golongan ini dalam kalangan masyarakat umum.

Turut membimbangkan apabila melimpahnya laman sembang yang mempromosikan aktiviti songsang terutamanya menerusi Facebook. Ia menggambarkan bahawa persoalan adab manusia semakin terancam, yakni sedang dicabar agar pengamal budaya keliru itu diberikan pengiktirafan dan hak secara bebas memilih kerana ia adalah prinsip yang dijamin menerusi tafsiran kebebasan asasi (Utusan Online, 16 Mac 2012). Tanpa segan silu mereka secara terangterangan mengaku sebagai golongan gay di media massa dan melebarkan sayap mencari kenalan-kenalan baru sesama mereka dengan menggunakan aplikasi seperti 'Hornet', dan 'Grindr' yang diwujudkan khas bagi golongan gay dengan hanya dimuat turun melalui telefon pintar.

4. Kesimpulan

Di dalam melayari kehidupan sebagai seorang remaja, pelbagai anasir dan permasalahan yang dilihat dapat mengganggu-gugat jiwa dan perasaan golongan remaja yang akhirnya membawa kepada tekanan yang lebih besar dalam hidup mereka. Orientasi seksual merupakan fasa penting yang di alami remaja dalam mengenali keperluan seksual dan pemilihan pasangan mereka. Namun, orientasi seksual juga sering mengundang permasalahan. Hal ini kerana, mereka yang mempunyai kecenderungan seksual yang songsang atau berbeza dari orientasi seksual normal sering menyalahkan keadaan dan diri mereka melalui persepsi negatif yang terbina dalam diri mereka dalam menginterpretasikan persepsi masyarakat terhadap mereka. Permasalahan yang tidak dibendung atau diatasi segera akan membawa kepada gejala sosial yang lebih kronik seperti pelacuran, seks bebas, membunuh diri, lari dari rumah, dan banyak lagi.

5. Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian hasil penyelidikan yang dijalankan di bawah dana SUK/GPNS/2023/PKS/10

6. Rujukan

- Abdul Halim, Zainab Zakirah, Azmi, Dania Salsabila, & Marni, Nurazmallail. (2019, 15 Disember 2019). Media Sosial dan Trend Penggunaan Menurut Islam. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Azmi, Kamal Abd. Rahman, *Profil Masyarakat Melayu Malaysia di Media Sosial Yang*
- Azyyati Mohd Nazim & Fariza Md Sham. 2016. Remaja Berisiko dan Peranan NGO Wanita. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Barton, Richard. "Psychosocial rehabilitation services in community support systems: A review of outcomes and policy recommendations." *Psychiatric Services* 50, no. 4 (1999)
- Brill, S. (1983). *The Lesbian and Gay Almanac and Events of the Year*. New York: Berkley Books.
- Che Zarrina Sa'ari, Nor Azlinah Zaini (2016). Terapi Spiritual Melalui Kaedah Tazkiyah Al-Nafs Oleh Syekh Abdul Qadir Al-Mandili Dalam Kitab Penawar Bagi Hati. *Afkar* Vol. 18 Special Issue (2016): 35-72
- Erikson, E. H. (1963). *Childhood and society*. W. W. Norton & Company.
- Fariza Md. Sham. 2015. Kemahiran Psikologi Dakwah kepada Golongan Remaja. *Jurnal alHikmah* 7(1) 2015: 95-101.
- Gullotta, T. P., Adams, G. R., & Montemayor, R. (Eds.). (2000). *Adolescent psychosocial development: A review of current research*. Sage Publications.
- Haridi, Noor Hafizah Bt Mohd. "Kumpulan lesbian, gay, biseksual dan transgander (LGBT) Ancaman Terhadap Keamanan dan Keharmonian Beragama di Malaysia." *Islam Realitas: Journal of Islamic and Social Studies* 2, no. 2 (2016)
- <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/07/69741/program-mukhyyam-pulih-golongan-lgbt>
<https://www.ikim.gov.my/index.php/2023/06/26/remaja-dan-aktiviti-seksual/>
- Jeanete Ophilia Papilaya, 2016. *Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender (LGBT), dan Keadilan Sosial*. Journal Humaniora Yayasan Bina Dharma, Volume III, No. 1, 2016.
- Jodi, Khairul Hamimah Muhammad, and Noor Hafizah Mohd Haridi. *Cabaran dan Pendekatan Dakwah Golongan LGBT: Satu Kajian di Pertubuhan Usrah Fitrah*. International Seminar on Human Development (Is-Hud'18), vol. 22. 2018.
- Kosciw, Joseph G., et al., "The Effect of Negative School Climate on Academic Outcomes for LGBT Youth and The Role of In-School Supports", *Journal of School Violence*, 12.1, 2013.
- Mahfudzah Mohamad, (2015) [Lesbian, gay, biseksual dan transgander: perspektif undang-undang jenayah syariah](#). *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 19 . pp. 29-36. ISSN 1394-7729
- Marbawi, H. (2006). *Kamus Marbawi: Lengkap Indonesia-Arab*. Semarang: CV. Budi Utama.
- Marziana, A. Malib, Sofiah, D. M. and Mustafa, A. (2014) 'Gejala Transeksual: Implikasi Yang Membimbangkan, Bagaimana Keprihatinan Kita?', *Journal of Business and Social Development*, 2(2), 48-61. Available at: <http://jbsd.umt.edu.my/wpcontent/uploads/sites/53/2014/11/6.pdf> (Accessed: 26 September 2020).
- Melati, Sumari and Dini Farhana, Baharudin and Fatahyah, Yahya and Mohd Radhi, Abu Shahim (2022) *Family Intervention in the Treatment of Female Juvenile Delinquency : A Qualitative Study in the Collectivist Society of Malaysia*. *The Family Journal : Counseling and Therapy for Couples and Families*. pp. 1-7. ISSN 1552-3950
- Mempromosikan Agenda LGBT dalam Isu-Isu Semasa Media dan Dakwah* (Kuala Lumpur: Najib Abdul Wakil. "Isu LGBT Di Malaysia: Satu Tinjauan Terhadap Aspek Kajian: LGBT Issues In Malaysia: A Review Of Research Aspects." *INSLA E-Proceedings* 3, no. 1 (2020)
- Noor Hafizah Haridi, et.al, "Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (LGBT)", *Jurnal Pengajian Islam*, Bil 9, Isu II, (2016), 103-118.

- Noor Hafizah Haridi, Norsaleha Mohd Salleh. (2016). Kumpulan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) Ancaman Terhadap Keamanan dan Keharmonian Beragama Di Malaysia. *Islam Realitas: Journal of Islamic & Social Studies*, 2(2), 205. https://doi.org/10.30983/islam_realitas.v2i2.190
- Rahman, Q., & Wilson, G. D. 2003. "Born Gay? The Psychobiology of Human Sexual Orientation". *Personality and Individual Differences*, 34(8): p. 1337–1382. doi:10.1016/S0191-8869(02)00140-X.
- Renn, Kristen A., *"LGBT and Queer Research In Higher Education: The State and Status of The Field"*, *Educational Researcher*, 39.2, 2010.
- Renn, Kristen A., *"LGBT Student Leaders and Queer Activists: Identities of Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender, and Queer Identified College Student Leaders and Activists"*, *Journal of College Student Development*, 48.3, 2007.
- Rezki Perdani Sawai, Joki Perdani Sawai, Mashitah Sulaiman, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin & Norizatul Masturah Mohd Zaki. (2019). Kepentingan Regulasi Emosi Bagi Pasangan Berkahwin. Seminar on Marital and Sexuality Counselling (MASEC 2019). Universiti Sains Islam Malaysia
- Ryan, Caitlin, et al., *"Family Acceptance in Adolescence and The Health of LGBT Young Adults"*, *Journal of Child and Adolescent Psychiatric Nursing*, 23.4, 2010.
- Savin-Williams, R. C., & Ream, G. L. (2007). "Prevalence and Stability of Sexual Orientation Components During Adolescence and Young Adulthood". *Archives of Sexual Behavior*, 36(3), 385–394.
- Ulrichs, K.H. (1994). *The Riddle of Man-Manly Love*. Buffalo, New York: Prometheus Books
Universiti Malaya: 2005
- Veritasia, Mytha Eliva, *"Pengungkapan Informasi Privat tentang Identitas Seksual Seorang Gay kepada Orang Lain"*, *Commonline Departemen Komunikasi*, 4.2, 2015.
- Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Mutalib, L. A., Mamat, Z., & Abdul Shukor, S. (2020). A Comparative Study of The Illegitimate Child Term from Shariah and Malaysia Legal Perspective. *Humanities & Social Sciences Reviews*, 8(4), 101-109. <https://doi.org/10.18510/hssr.2020.8412>